



DBP BESTARI

MENANGANI MASA KINI, MENDEPANI MASA MUKA

ABDUL ADZIS ABAS
KETUA PENGARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

SEBAGAI institusi yang lahir daripada perjuangan luhur dan semangat waja rakyat, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terus melangkah maju untuk melaksanakan kebertanggungjawaban dan peranannya membina, memajukan, serta memantapkan bahasa Melayu agar bahasa itu berkeupayaan menjadi bahasa moden yang dapat memainkan fungsinya sebagai bahasa pengantar pendidikan, ilmu, persuratan, urus tadbir negara, komunikasi, pengucapan budaya tinggi, serta penyatuan kaum di Malaysia. Sepanjang 60 tahun kewujudannya, DBP telah berkembang pesat, daripada bangunan enam tingkat kepada bangunan 31 tingkat, tersergam indah dan megah di tengah-tengah kota Kuala Lumpur; daripada dua buah pejabat cawangan, DBP terus menapak maju dengan tertubuhnya empat buah pejabat wilayah, yakni Selatan, Utara, Timur dan Tengah.

DBP juga kini, sejauh yang berkaitan dengan bidang kebahasaan dan kesusasteraan Melayu, tekal menjadi institusi yang berintegriti, dan diiktiraf oleh pelbagai pihak berwenang, bukan sahaja di dalam negara, bahkan pada peringkat serantau serta antarabangsa. Yang lebih membanggakan, DBP kekal menjadi penerbit dalam bahasa Melayu yang terbesar dan berwibawa.

Seperti juga institusi kerajaan yang lain, kendatipun DBP harus berbangga dengan perkembangan dan kemajuan yang sudah dicapainya, DBP juga cukup berhati-hati tentang masa mukanya. Banyak cabaran yang harus diidepani olehnya. Antara cabaran kini yang sedang dihadapi, sekali gus ditangani dengan bijaksananya, termasuklah perubahan demografi rakyat Malaysia yang kian rencam, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin pantas dan canggih, perkembangan pendidikan yang semakin berorientasikan e-pengetahuan, keperluan bahan pengajaran dan pembelajaran yang berbentuk e-buku dan i-buku, pertumbuhan ekonomi yang tidak menentu, serta perubahan dasar kerajaan, di samping kehendak pelanggan yang kian pelbagai.

Kesemua cabaran dan perubahan tersebut memerlukan DBP untuk menambah baik kualiti produk bahasa, sastera, dan penerbitannya, sekali gus meningkatkan mutu sistem penyampaian segala produk dan perkhidmatan tersebut agar dapat memenuhi segala permintaan dan kehendak pemegang kepentingan serta pelanggannya, baik di dalam mahupun

di luar negara. DBP, tidak dapat tidak, harus sentiasa bersedia siaga untuk melipatgandakan keupayaan, kekuatan, kelebihan, serta momentum yang sedia ada untuk membina dan memacunya ke tahap yang lebih tinggi, mapan, kukuh, dan berwibawa dalam bidang kebahasaan, kesusasteraan dan penerbitan.

Untuk tahun-tahun mendatang yang serba mencabar itu, DBP akan meningkatkan profesionalisme dan kompetensi pegawainya melalui latihan dan pendidikan. Pengembangan para pegawai DBP dilakukan untuk memastikan, memelihara, dan mengekalkan kemampuan serta potensi mereka agar mereka berkeupayaan memenuhi kelayakan yang disyaratkan sehingga dapat memberikan sumbangan yang optimum kepada organisasi.

Pegawai DBP wajib menguasai setidak-tidaknya empat kompetensi, yakni kompetensi urus tadbir, kompetensi profesional, kompetensi sosial dan kompetensi keperibadian. Sebagai pegawai, mereka harus cekap dan mahir dalam pengurusan projek atau program kebahasaan, kesusasteraan, dan penerbitan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Kompetensi profesional pula menuntut kemampuan pegawai untuk sentiasa peka mengikuti perkembangan ilmu terkini kerana perkembangan ilmu dinamik sifatnya. Kompetensi profesional pegawai harus dikembangkan dengan pengertian sentiasa belajar dan berfikir, terus kreatif, inovatif dan produktif. Kompetensi profesional juga merupakan kemampuan pegawai menguasai bidang tugas dan kerjanya secara meluas serta mendalam. Dalam konteks global pula, khususnya dalam merealisasikan hasrat DBP untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai satu daripada bahasa utama dunia, kompetensi profesional pegawai DBP hendaklah dengan tekad melestarikan nilai dan budaya nasional.

Kompetensi sosial dalam kalangan pegawai dan kakitangan DBP, iaitu kebolehan dan kemahiran bermasyarakat, bekerjasama, dan bersinergi sesama sendiri, dengan pemegang kepentingan, organisasi kerajaan yang lain, sektor swasta, pelanggan, dan masyarakat umum, akan terus ditingkatkan dan diberi keutamaan.

Kompetensi keperibadian yang berkaitan dengan kematangan, kestabilan, kearifan, kebijaksanaan,

Kewibawaan dan *status quo* DBP sebagai penerbit buku teks yang bermutu yang sejak sekian lama diiktiraf dan diberi kepercayaan oleh Kementerian Pendidikan akan terus dipertahankan dengan senantiasa menambah baik mutu penerbitannya.

kewibawaan, dan kemantapan pegawai serta kakitangan DBP di seluruh negara akan terus diberi fokus utama agar mereka senantiasa berakhlak mulia, beretika, bertanggungjawab, dan berintegriti untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Dengan adanya pegawai dan kakitangan yang menguasai keempat-empat kompetensi tersebut, sekali gus diperlengkap dengan pengurusan yang cekap dan amanah serta pelan perancangan yang strategik, percaya DBP akan terus menjadi organisasi yang berproduktiviti, berintegriti dan berautoriti, khususnya dalam tiga bidang keberhasilan utamanya, yakni bahasa, sastera dan penerbitan.

Meskipun lahir daripada perjuangan murni tokoh ilmiah yang berjaya, yang pastinya terus dikenang dan disanjung selama-lamanya, sekali gus memiliki autonomi khusus tertentu, sebagai organisasi kerajaan, DBP seharusnya senantiasa sehat jiwa dan sekata senada dengan kerajaan semasa. Apa-apa juga isu yang menyentuh dasar kerajaan yang ada hubung kaitnya dengan tujuan, semangat, dan aspirasi kewujudan DBP tidak sewajarnya digembir-gemburkan dan dipolemikkan secara terbuka. Oleh itu, bagi menangani apa-apa juga isu yang berkaitan dengan *status quo* bahasa Melayu, seperti yang diperuntukkan dalam Perkarā 152, Perlembagaan Persekutuan, DBP akan mengambil pendekatan yang lebih berhemah dan bijaksana, sesuai dengan kedudukannya sebagai jabatan kerajaan, iaitu umpama menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus, tepung pula tidak berselerakan.

Dalam pada itu, DBP, seperti yang diharapkan oleh kerajaan dan rakyat, akan memastikan visi dan misinya tercapai, khususnya dalam pemeraksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan, bahasa ilmu, bahasa persuratan, bahasa pentadbiran, bahasa pengucapan seni, sastera dan budaya tinggi, sekali gus bahasa penyatuan bangsa. DBP juga akan memberikan fokus yang lebih kepada program pengembangan bahasa dalam sektor swasta dan program pengantarabangsaan bahasa Melayu dengan pelbagai kaedah dan pendekatan yang pragmatik.

Melalui Pelan Strategik Dewan Bahasa dan Pustaka 2016-2020, pelbagai rencana dan prakarsa kebahasaan, kesasteraan, serta penerbitan dalam bahasa Melayu akan

terus digerakkan dan disemarakkan oleh DBP, sekali gus untuk membantu negara mencapai status negara maju pada tahun 2020.

Pemajuan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan, bahasa urus tadbir negara, bahasa ilmu, bahasa pengucapan budaya tinggi, dan bahasa persuratan di dalam negara ini akan terus diperhebat. Pemantapan bahasa Melayu sebagai bahasa moden dan standard yang cekap, terutama sekali dari segi ejaannya, perbendaharaan katanya, tatabahasanya, istilahnya, larasnya, semantikanya, diksinya dan gayanya, akan terus diberi perhatian yang utama. Usaha begini perlu ditingkatkan agar kecekapan serta kepersisan bahasa Melayu diiktiraf, sekali gus memperkukuh kedudukan DBP sebagai institusi bahasa yang berintegriti dan berautoriti.

Lebih banyak buku pelbagai ranah ilmu akan diterbitkan dan jika perlu serta difikirkan pragmatik, terjemahan buku ilmu daripada pelbagai bahasa utama dunia dalam bahasa Melayu akan digerakkan semula. Para sarjana, ilmuwan, dan saintis tempatan akan diberi pelbagai insentif untuk menghasilkan lebih banyak manuskrip yang sesuai untuk diterbitkan sebagai buku ilmiah dan rujukan.

Pelbagai buku rujukan yang sudah sedia ada, seperti *Kamus Dewan*, *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan*, *Kamus Melayu Inggeris Dewan*, *Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu*, *Tatabahasa Dewan* dan ensiklopedia, yang boleh mendatangkan pulangan yang lebih besar kepada DBP, akan dipergiat pemasarannya. Begitu juga dengan buku yang laris dalam pasaran dan buku yang mendapat permintaan yang tinggi akan ditingkatkan penerbitannya tanpa meminggirkan penerbitan buku sastera, seperti fiksiyen dan fiksiyen sains, yang berkualiti yang sekali gus mempunyai nilai sastera serta nilai komersial yang tinggi.

Dalam tahun-tahun mendatang ini juga dan demi masa depan DBP yang cemerlang, DBP akan memberikan tumpuan kepada program pengadaptasian novel dan cerpen terbitan DBP ke filem dan drama televisyen. Usaha mempromosikan novel dan cerpen yang berpotensi untuk difilemkan itu akan dipergiat.

Kewibawaan dan *status quo* DBP sebagai penerbit buku teks yang bermutu yang sejak sekian lama diiktiraf dan diberi kepercayaan oleh Kementerian Pendidikan akan

terus dipertahankan dengan senantiasa menambah baik mutu penerbitannya, termasuk dengan peningkatan profesionalisme dan kompetensi para editor, baik dalam bidang penerbitan buku teks mahupun penerbitan buku umum, kanak-kanak, remaja dan dewasa yang lain, yang merupakan satu daripada produk utama yang dihasilkan oleh DBP.

Penerbitan majalah dan jurnal DBP juga akan dimantapkan dengan menambah baik persembahannya dan meningkatkan kualiti serta nilai kandungannya agar akan menarik lebih banyak pembaca dan pembeli, sekali gus untuk meningkatkan daya saing majalah DBP dalam pasaran. Program Majalah Dalam Kelas di sekolah di seluruh negara, sekali gus pemasaran dan penjualan majalah tertentu secara langganan tetap akan dilipatgandakan pada tahun-tahun mendatang ini.

Penerbitan dalam bentuk e-buku dan i-buku juga akan diberi perhatian serta pertimbangan yang serius sesuai dengan perkembangan pantas dan canggih dalam bidang teknologi komunikasi dan informasi, sekali gus untuk memenuhi keperluan serta permintaan kepada perkhidmatan seumpama itu yang dijangka akan kian meningkat pada masa akan datang.

Program pemasaran dan penjualan buku dan terbitan DBP, yang cukup berkesan melalui Ujana Buku, akan senantiasa ditambah baik dalam tahun-tahun akan datang ini, di samping menjalinkan rangkaian kerjasama yang lebih banyak dengan pusat beli-belah serta kedai buku di seluruh negara untuk memperagakan dan menjual buku dan majalah terbitan DBP. Melalui pendekatan yang pragmatik begini, pelbagai terbitan DBP dapat diperoleh di merata-rata tempat di seluruh negara, sekali gus memudahkan masyarakat untuk membeli bahan bacaan yang berkualiti.

Dalam lima tahun ke hadapan ini, DBP juga merancang untuk menjadikan Akademi DBP sebagai pusat bertauliah dan pusat sehati berwibawa yang menawarkan pelbagai jenis kursus yang berakreditasi, seperti bahasa Melayu untuk penutur asing, penulisan surat rasmi, penulisan minit mesyuarat, penulisan laporan, penulisan kertas kerja, penulisan novel, penulisan cerpen, penulisan puisi, penulisan buku teks, penulisan teks ucapan, penulisan skrip drama, transliterasi manuskrip, pengacaraan majlis, editorial dan pembinaan manuskrip. Untuk rancangan jangka panjang, DBP akan memberikan perhatian kepada penawaran kursus, seperti kecekapan bahasa Melayu, secara dalam talian agar lebih banyak peluang diwujudkan untuk mereka yang berada di luar Kuala Lumpur atau luar Malaysia untuk mengikuti kursus berakreditasi tersebut.

Sebagai institusi ilmu, DBP akan terus meningkatkan dan memantapkan projek penyelidikan bahasa dan sastera yang

mencakup pelbagai ranah ilmu demi memastikannya turut dapat menerbitkan hasil penyelidikan dan kajian tersebut untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Pemantapan dan penambahbaikan beberapa pangkalan data bahasa, sastera, dan penerbitan DBP juga akan dipergiat agar lebih autentik serta mesra pengguna. Kerjasama bahasa dan sastera pada peringkat serantau atau ASEAN, melalui Majlis Bahasa Brunei Indonesia Malaysia (MABBIM), akan terus disokong dan didukung oleh DBP Malaysia dan akan senantiasa diberi perhatian agar kerjasama intim seumpama itu dapat dilestarikan.

Usaha melengkapkan dan mencekapkan Pusat Dokumentasi Melayu sebagai pusat rujukan persuratan Melayu yang tersohor di dunia pun akan digerakkan dengan lebih giat, dengan menambahkan bilangan koleksi buku, majalah, artifak, manuskrip lama, dan sebagainya yang meliputi semua bidang ilmu serta genre. Pewujudan aplikasi prpm@dbp.gov.my amat membantu dalam merealisasikan hasrat DBP untuk menjadi pusat rujukan Melayu yang terulung di dunia, di samping akan wujudnya Muzium Bahasa dan Sastera Melayu yang pertama di dunia yang menjadi pelengkap kepada aspirasinya untuk menjadi pusat rujukan Melayu yang terunggul di dunia.

Dalam konteks pengembangan bahasa dan sastera pula, DBP akan menambah baik pengurusan dan pelaksanaan program promosi penulis dan sasterawan serta karya besar mereka. Pengiktirafan dalam pelbagai bentuk hadiah dan insentif kepada penulis dan sasterawan yang cemerlang dalam bidang masing-masing akan terus disediakan oleh DBP. Anugerah Sastera Negara dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia akan terus diwujudkan, dan usaha penambahbaikannya akan senantiasa dibuat dari semasa ke semasa. Usaha untuk melahirkan penerima Hadiah Nobel, Hadiah Penulisan Asia Tenggara, dan pelbagai hadiah dan anugerah pada peringkat serantau serta antarabangsa yang lain akan sentiasa diusahakan.

Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) dan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) pula akan terus diberi nafas baharu agar tetap relevan untuk tahun-tahun yang akan datang.

DBP pastinya akan terus meningkatkan kualiti pelbagai produk bahasa dan sasteranya, terbitannya, dan perkhidmatannya, sekali gus memantapkan dan mencekapkan sistem penyampaiannya agar kewujudannya sebagai badan bahasa, kutubkhanah sastera, organisasi penerbit, dan institusi ilmu yang berintegriti serta berautoriti dilestarikan untuk diwariskan sebagai legasi kepada generasi yang akan datang. DM